



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PEMBELAJARAN MELALUI REFLEKSI

UKQE3001-08

PENGALAMAN PEMBELAJARAN LUAR KURIKULUM

(EXTRA-CURRICULAR EXPERIENTIAL LEARNING)

NAMA	SITI NURNADWATUL HUSNA BINTI SUSHKERI
NO MATRIK	A18SC0317
NO IC	990727-02-5766
FAKULTI/KOS	SAINS/FIZIK (3SSCZ)
SUBJEK/SEKSYEN	UKQE3001/08
NAMA PENSYARAH	DR. SUHAILA BINTI M BUHARI

LINK E-PORTFOLIO:

<https://eportfolio.utm.my/view/view.php?t=X0URAQoY6uZD87BF1JPH>

**LAPORAN 1: MAJLIS AMANAT BERSAMA KOMANDAN DAN PENGENALAN
AHLI MAJLIS TERTINGGI INDUK KOR SUKARELAWAN POLIS SISWA SISWI
(SUKSIS) UTM 2020/2021**

Tarikh : Rabu, 23 September 2020

Tempat : Secara atas talian (WEBEX) di kediaman para Pelatih Suksis

Penganjur : Kor Sukarelawan Polis Simpanan Siswa Siswi (SUKSIS) UTM

Jawatan : Ketua unit protokol dan perhubungan.

PETA MINDA RINGKAS PROGRAM



1.0 Report

Kor Sukarelawan Simpanan Polis Siswa Siswi (SUKSIS), UTM telah menganjurkan **MAJLIS AMANAT BERSAMA KOMANDAN DAN PENGENALAN AHLI MAJLIS TERTINGGI INDUK KOR SUKARELAWAN POLIS SISWA SISWI (SUKSIS) UTM 2020/2021** yang bertarikh 23 September 2020 iaitu pada hari Rabu bermula jam 3.00 petang sehingga jam 5.00 petang disempurnakan oleh Yang Dihormati ACP/KS Prof. Dr. Durrishah Binti Idrus, Komandan Kor SUKSIS UTM. Majlis amanat komandan merupakan majlis rasmi tahunan yang diadakan bagi tujuan menyuntik semangat baru kepada semua pelatih suksis setiap tahun supaya lebih bersamangat dan motivasi untuk menjalani latihan fizikal mahupun kelas undang-undang dan tidak dipinggirkan pencapaian akademik. Majlis ini dianjurkan khas tertutup kepada pelatih-pelatih KOR SUKSIS yang melibatkan lebih kurang 132 orang pelatih terdiri daripada skuad super senior, intermediate dan junior.

Buat julung kalinya majlis ini telah diadakan secara atas talian melalui medium webex di kediaman para pelatih. Hal ini kerana penularan wabak covid-19 yang melanda seluruh dunia dan Malaysia yang masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan dimana kerajaan menyarankan semua majlis diadakan secara atas talian dan mengurangkan kontak fizikal bagi membendung penularan wabak covid-19. Sebagai majlis rasmi pertama yang memerlukan saya untuk bergerak secara maya agak mencabar pada awalnya.

Dalam majlis ini saya, saya telah diamanahkan untuk mengetuai dua unit dalam satu majlis iaitu unit protokol dan perhubungan yang agak mencabar kerana terdapat dua sesi dalam majlis iaitu sesi pertama ialah amanat daripada komandan dan sesi kedua ialah pengenalan ahli majlis tertinggi induk. Tugas yang saya jalankan sebagai ketua unit protokol dan perhubungan sepanjang program tersebut amatlah berat dan penting, sekiranya saya tidak memberikan komitmen yang penuh, pelbagai masalah yang kami semua akan hadapi. Saya selaku ahli jawatankuasa unit protokol dan perhubungan telah melakukan tugas seperti menguruskan hal

jemputan tetamu dan bertanggungjawab untuk menyediakan surat jemputan tetamu. Saya sebelum ini telah biasa menjawat jawatan sebagai ahli jawatan kuasa protokol dan perhubungan namun berbeza pada kali ini kerana kaedah secara atas talian banyak membataskan pergerakan. Selain itu, kami bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perjalanan program supaya mengikut tentatif yang dirancang supaya majlis berjalan dengan lancar.

2.0 Responding

Perasaan saya pada pertama kali dilantik untuk menerima tugas ini adalah sangat bangga kerana diberikan peluang yang besar untuk memimpin majlis yang pertama sekalinya diadakan secara atas talian dan idea saya tersendiri untuk melaksanakan majlis ini. Majlis secara online memerlukan komitmen lebih dari segi masa dan semestinya tahap kesediaan internet perlu dititik beratkan juga. Ketidakstabilan internet adalah di luar kawalan ahli jawatankuasa walaupun raptai telah dijalankan beberapa kali sebelum majlis. Komunikasi yang kurang berkesan perlu ditambahbaik untuk majlis akan datang.

Protokol majlis melibatkan PDRM agak berbeza berbanding majlis rasmi biasa yang pernah saya ikuti sebelum ini. Setiap perkara yang dilakukan perlu disemak oleh pegawai bertugas. Majlis berjaya dilaksanakan mengikut protokol kepolisan yang telah ditetapkan oleh jurulatih. Walaupun terdapat beberapa masalah yang dihadapi semasa majlis tetapi dapat diselesaikan dengan cepat. Kerjasama semua ahli jawatankuasa yang ringan tulang memberi bantuan kepada unit lain membuatkan majlis berjalan dengan lancar. Kepuasan setelah selesai majlis kerana buat pertama kali saya mengendalikan majlis secara atas talian yang melibatkan skala besar penglibatan bukan sahaja daripada pelajar tetapi melibatkan pegawai-pegawai lain-lain pangkat. Majlis rasmi secara atas talian terutamanya melibatkan protokol kepolisan agak mencabar dari segi untuk memastikan majlis menepati masa, komunikasi antara pegawai-pegawai yang agak sibuk dengan tugas mereka serta kepada diri saya keberanian untuk

menghubungi dan bertutur dengan tahap formaliti yang agak tinggi yang belum pernah saya aplikasikan dalam kehidupan sebelum ini.

3.0 Relating

Sebelum saya terlibat sebagai ketua unit protokol dan perhubungan majlis ini, saya juga telah terlibat dengan pelbagai program lain kebanyakannya ialah sebagai timbalan setiausaha, unit pendaftaran, tugas-tugas khas dan unit hadiah. Pengalaman dalam majlis kepolisan dan majlis rasmi biasa terdapat persamaan dari segi aturcara dan barisan ahli jawatankuasa namun ada perbezaan dari segi kawalan dan protokol. Saya pernah menjadi timbalan setiausaha ketika majlis fizikal yang melibatkan protokol kepolisan iaitu **SESI PASUKAN BADAN BERUNIFORM UTM BERSAMA KETUA POLIS JOHOR DAN MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PELANTIKAN KOMANDON KOR SUKSIS UTM**. Persamaan yang saya dapati dari program ini adalah semangat kerjasama yang diberikan oleh pasukan saya dan saling membantu antara ahli jawatankuasa.

Dari segi perbezaan pula, selain jawatan sebagai ketua, kebiasaannya saya hanya menunggu arahan dan menjalankan tugas mengikut tarikh yang ditetapkan. Tetapi kali ini saya harus merangka setiap aktiviti dan juga menetapkan rangka masa yang sesuai agar semua tugas AJK saya dapat dijalankan dengan lancar. Arahan daripada saya yang akan menggerakkan ahli jawatankuasa. Arahan daripada unit protokol perlu diberikan dengan jelas dan sampai kepada semua unit. Perancangan tentatif perlu selari dimana sumber rujukan unit-unit lain tetumpu kepada protokol. Sebagai unit perhubungan dan protokol saya perlu bergerak proaktif terutamanya mengendalikan majlis secara atas talian. Saya perlukan kemahiran supaya semua yang saya rangka berjalan dengan lancar.

4.0 Reasoning

Tugas saya kebanyakan berjalan sebelum majlis bermula dan amat penting ketika majlis dilaksanakan. Sepanjang persiapan majlis saya telah merangka jadual waktu untuk tugas dan juga telah mengadakan mesyuarat secara berkala bagi melihat perjalanan tugas yang telah diberikan. Pelbagai cabaran yang saya hadapi untuk mengetuai unit protokol dan perhubungan ini. Alhamdulillah segalanya berjaya diselesaikan dengan kerjasama semua ahli jawatan kuasa sama ada di bawah seliaan saya atau tidak dan pertolongan daripada ahli jawatankuasa tertinggi majlis. Pentingnya dokumentasi supaya dapat menjadi rujukan semula apabila menganjurkan program.

Pada pendapat saya majlis ini amatlah penting untuk KOR SUKISISUTM kerana kami dapat berkongsi pengalaman dan juga ilmu meningkatkan keyakinan diri dan menanam semangat bekerja dalam satu kumpulan serta berjaya mengadaptasi kepada setiap perubahan dengan cepat. Dari sudut pandangan ketua jurulatih, Inspektor Mohd Hafiz Bin Hussin Pegawai Latihan KOR SUKISIS UTM juga berasa bangga kerana kami berjaya melantik ahli baru majlis tertinggi baru secara atas talian dan majlis berjalan dengan agak baik mengikut protokol kepolisan walaupun banyak yang perlu dibaiki. Objektif KOR SUKISIS untuk melatih pelajar dengan ilmu kepolisan melalui pengendalian majlis rasmi adalah idea yang sangat baik.

5.0 Reconstructing


Apa yang saya belajar dan tekankan daripada menjadi seorang ketua ialah sentiasa kukuhkan kemahiran komunikasi dan meningkatkan semangat perpaduan antara ahli jawatan kuasa sepanjang majlis berjalan mahupun di luar waktu majlis. Sebagai seorang ketua perlu mempunyai empati yang tinggi. Kerana kita akan berada lama di dalam komuniti tersebut, bagi situasi ini ialah kita akan berhadapan dengan peserta dan ahli- ahli jawatankuasa yang lain. Kemudian, kita harus sentiasa bersedia untuk menyelesaikan masalah yang bakal berlaku tanpa kita jangka. Untuk masa depan, kemahiran yang saya peroleh dari jawatan saya ialah saya akan aplikasikan kemahiran kepimpinan untuk alam pekerjaan mahupun tugas-tugas berkumpulan

yang akan datang. Kerana daripada pengalaman ini saya dapat belajar cara membaca gerak geri setiap orang adalah berbeza dan mereka boleh menunjukkan samada mereka minat untuk bertugas ataupun tidak. Dalam masa akan datang, saya berhasrat untuk mengetuai majlis yang lebih besar dan lebih kompleks. Hal ini kerana daripada pengalaman tersebut saya akan cuba menjadi seorang ketua yang lebih baik.

GAMBAR PROGRAM



Banner Program



LAPORAN 2: YOUTH POWER CARNIVAL 2021

Tarikh : 12-14 MAC 2020

Tempat : TAPAK CCSL UTM

Penganjur : SEKETERIAT RAKAN MUDA UTM

Jawatan : UNIT PERHUBUNGAN DAN PENDAFTARAN

PETA MINDA RINGKAS PROGRAM



1.0 Report

Karnival ini ialah anjuran Seketeriat Rakan Muda UTM dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa yang telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor UTM, Prof. Dr. Durrishah bt Idrus. Bersesuaian dengan slogan "Better Future Start From Us", program ini adalah untuk memberikan galakan kepada mahasiswa bahawa mereka adalah peneraju masa depan negara. Program dilaksanakan bermula 12 Mac 2020 sehingga 14 mac 2020 bertempat di Dataran CCSL Universiti Teknologi Malaysia. Program ini menyasarkan komuniti yang umum tertumpu kepada semua pelajar UTM dan turut terbuka kepada masyarakat luar. Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan dan sebanyak 42 gerai jualan yang menjual pelbagai jenis makanan dan barangan telah dibuka. Program ini berjaya mencecah anggaran 1500 orang pengunjung setiap hari sepanjang program berlansung.

Tujuan program ini dijalankan untuk membuka peluang kepada ahli SRMUTM untuk melibatkan diri dalam organisasi program ini. Program ini merupakan program yang dapat memberi pengetahuan dan pengalaman baru kepada ahli SRMUTM dalam mengendalikan sesuatu program sebegini. Mengasah bakat pelajar dari segi kepimpinan dan membina keyakinan untuk berinteraksi serta melibatkan orang lain. Mempelajari cara pengurusan organisasi selain pengendalian program yang dilaksanakan. Mempromosikan Sekretariat Rakan Muda UTM kepada seluruh mahasiswa UTM. Mengharap agar ahli SRMUTM yang terlibat dalam organisasi ini dapat mendalami dan menggunakan ilmu pengetahuan daripada pengurusan dan pengendalian Youth Power Carnival. Mengharap agar peserta yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang terdapat di sepanjang Youth Power Carnival dijalankan seperti Bengkel Excel, Bengkel Passive Income, Beauty Talk dan E-games dapat memberi ilmu dan pengajaran yang baru.

Saya telah ditugaskan sebagai salah seorang ahli jawatankuasa unit perhubungan luar dan pendaftaran dimana tugas saya akan bermula sebelum majlis sehingga pada hari majlis. Walaubagaimanapun, Youth Power Carnival telah berjaya dilaksanakan oleh kelab Sekretariat Rakan Muda UTMJB pada 12 Mac dan 13 Mac 2020 sahaja disebabkan oleh Covid-19.

2.0 Responding

Saya pada permulaan di tukar ke unit unit perhubungan luar dan pendaftaran, saya berasa agak risau dan takut kerana bagi saya dua unit dalam satu program yang besar amatlah berat untuk dipikul. Saya di unit perhubungan dan pendaftaran saya perlu berurusan melalui saluran yang betul seperti pembantu peribadi dan perlu memikirkan mengenai jadual orang yang perlu berurusan. Saya membuat jemputan ke 15 orang hanya 5 sahaja email saya dibalas. Saya tidak mengalah saya cuba dengan medium lain untuk menghantar *whatsapp*, saya hanya di *bluetick* tanpa apa-apa balasan. Desakan daripada majlis tertinggi dan ketua unit memang memenatkan dan tertekan. Saya diberi masa yang pendek untuk uruskan hal tersebut. Walaubagaimanapun saya cuba sedaya upaya untuk melaksanakan tugas dengan baik iaitu menjadi penghubung kepada semua jemputan dengan menghantar surat jemputan kepada perasmi majlis, mendapatkan pengesahan jemputan dan menjemput jemputan pada hari majlis.

Antara skop tugas sampingan yang bagi saya agak berat adalah menghubungi setiausaha peribadi artis jemputan untuk membuat perbincangan mengenai topik ceramah dan bayaran, menjemput guru sekolah sebagai juri aktiviti mewarna serta menyediakan merit pendaftaran pelajar dan menguruskan pendaftaran setiap aktiviti. Di samping tugas perhubungan luar saya perlu membuat persediaan bagi unit pendaftaran setiap aktiviti. Tugas di bawah unit perhubungan luar dan pendaftaran agak banyak jika dibandingkan dengan kekuatan ahli jawatankuasa di bawah unit ini hanyalah 9 orang.

3.0 Relating

Skop tugas sebagai ahli jawatankuasa unit perhubungan luar dan pendaftaran pada kali ini agak berbeza berbanding tugas saya sebagai ahli jawatankuasa pendaftaran atau perhubungan luar program-program sebelum ini. Misalnya saya pernah menyandang jawatan sebagai ahli jawatankuasa perhubungan luar bagi **Sukan Fakulti Sains (SUKFAS) 2020**. Skop tugas sebagai seorang ahli jawatankuasa perhubungan agak sama iaitu menjadi penghubung kepada semua jemputan dengan menghantar surat jemputan kepada perasmi majlis, mendapatkan pengesahan jemputan dan menjemput jemputan pada hari majlis.

Perbezaan bagi tugas saya ketika SUKFAS saya hanya program di peringkat fakulti dimana jemputan hanyalah dekan dan ketua jabatan serta pensyarah-pensyarah. Bagi Youth Power Carnival adalah program besar yang melibatkan komuniti umum yang besar termasuk masyarakat, pelajar dan staf UTM. Bagi majlis ini saya menghadapi tekanan luar yang agak besar ketika hendak menghubungi Timbalan Naib Canselor UTM, iaitu Prof. Dr. Durrishah bt Idrus sebagai perasmi utama majlis dimana saya perlu menguruskan lebih kurang 15 jemputan untuk dihubungi dan perlu membuat *follow-up* berkala untuk mengetahui jawapan kehadiran. Satu cabaran yang baru kepada saya di samping tugas perhubungan luar saya juga perlu membuat persediaan bagi unit pendaftaran.

4.0 Reasoning

Program *Youth Power 2020* ialah program besar pertama saya yang melibatkan lebih kurang 1500 pengunjung setiap hari. Program yang memerlukan saya meletakkan komitmen yang tinggi sebelum, semasa dan selepas tanpa mengira penat lelah kerana saya dengan sukarela menyertai untuk menyumbang tenaga dan idea. Program ini walalupun tidak dapat diteruskan sehingga hari terakhir atas sebab penularan wabak Covid-19 saya klasifikasikan sebagai berjaya kerana kami pelajar menguruskan sendiri semua urusan di mana pensyarah

hanya menjadi penyelia sahaja. Saya amat kagum dengan pengarah dan ahli majlis tertinggi yang lain sangat waras untuk mengendalikan masalah yang besar. Malangnya program hanya dapat dilaksanakan selama dua hari sahaja atas faktor Covid-19. Kami terpaksa membatalkan semua aktiviti yang telah dirancang dan akur dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan universiti. Artis-artis jemputan yang terlibat telah sampai seperti Kucaimars, Tyra Kamaruzzaman dan Haze tetapi aktiviti bersama pada malam kedua terpaksa dibatalkan. Walaupun, artis-artis tidak sempat membuat persembahan dan memberi ceramah tetapi kami terpaksa membayar kerana mereka telah sampai ke UTM. Kami juga terpaksa membayar ganti rugi kepada semua penjual kerana mereka telah membayar sewa tapak jualan untuk tiga hari program tetapi dapat berniaga selama dua hari sahaja. Pekeliling yang dikeluarkan secara tiba-tiba membuatkan penjual-penjual marah kepada kami sebagai penganjur. Sebagai penganjur kami hanyalah pelajar yang terpaksa akur dengan arahan pihak pengurusan universiti. Bagi mengurangkan kerugian penjual-penjual, kami terpaksa membuat satu tindakan drastik iaitu memberi merit kepada pelajar-pelajar yang datang membeli di tapak jualan.

Youth Power Carnival 2020 telah memberikan satu pengalaman baru dengan cabaran yang besar kepada kami. Program yang terpaksa dibatalkan serta merta menyebabkan pelbagai masalah perlu kami tempuhi dan selesaikan. Kami agak kecewa dengan pihak pengurusan universiti yang tidak turun membantu ketika arahan untuk mengosongkan tapak CCSL dikeluarkan. Pengarah program terpaksa memberitahu sendiri kepada penjual-penjual. Ketika pemberitahuan dibuat berlaku ketidakpuasan hati kerana mereka inginkan kenyataan rasmi dari pihak pengurusan universiti. Kami dimarah dengan ayat yang agak kasar. Pihak pengurusan universiti mengambil masa agak lama untuk turun ke tapak CCSL bagi membuat penjelasan. Penat lelah yang kami lalui selama beberapa bulan untuk menjayakan program ini tidak berjaya sampai ke penghujung. Air mata yang turun membasahi pipi semua ahli jawatankuasa menggambarkan kekecewaan dan kesedihan pada ketika itu. Virus dan wabak penyakit adalah

di luar kawalan kami. Saya sangat bersyukur menjadi salah seorang ahli jawatankuasa kerana pengalaman menguruskan *Youth Power Carnival* adalah sangat bernilai.

5.0 Reconstructing

Kunci utama adalah perlu menambahbaik komunikasi anantara setiap ahli, di program dengan kekuatan ahli jawatankuasa yang ramai dapat dilihat komunikasi yang berkesan sangat membantu untuk melancarkan perjalanan program. Pengarah dan ketua unit patut memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan program supaya tiada yang terkesan daripada ketidakberadaan masing-masing. Pengarah dan ketua unit juga perlu merancang hala tuju masing-masing dengan berbincang sesama sendiri, melakukan perjumpaan bersama atau membuat bayangan awal akan aktiviti yang akan dilakukan. Semua ahli patut menyumbang akal fikiran dan idea dalam menyelesaikan sesuatu supaya banyak idea dapat dijanakan. Mereka patut mempunyai rasa tanggungjawab untuk berfikir bersama sebagai satu pasukan. Ketua unit patut mempunyai carta alir atau perancangan awal akan perkara yang akan dilakukan semasa hari kejadian dan membuat persiapan awal untuk hari kejadian. Tabiat untuk berfikir on-the-spot perlulah dikurangkan kerana mereka sepatutnya membayangkan masalah yang mungkin berlaku semasa hari kejadian pada beberapa hari sebelum. Semasa perbentangan idea, semua pembentang sepatutnya memberikan cadangan mereka untuk diambil kira oleh pihak atasan, bukannya hanya melaporkan sahaja. Kemahiran yang saya peroleh dari jawatan saya akan aplikasikan kemahiran komunikasi dengan berkesan dan kemahiran menyesuaikan untuk alam pekerjaan mahupun tugas-tugas berkumpulan yang akan datang.

Gambar Program



Barisan Ahli Jawatankuasa YPC 2020



Gambar gerai jualan di Tapak CCSL.



Majlis perasmian dan Beauty Talk.